



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT GEMPUR PAJAK GADAI HARAM DI KOTA KINABALU, SITA BARANGAN BERNILAI RM45,840

PUTRAJAYA, 21 JANUARI 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus komited dalam membanteras sebarang aktiviti perniagaan tidak sah, khususnya aktiviti pemajakgadaan tanpa lesen di **Kota Kinabalu, Sabah**, semalam.

Dalam operasi yang dijalankan pada 19 Januari lalu, penguatkuasaan bersepadu telah dijalankan terhadap **empat (4) buah premis** yang disyaki menjalankan aktiviti pajak gadai tanpa lesen di sekitar **Kota Kinabalu**. Tindakan tegas ini diambil selaras dengan peruntukan di bawah **Seksyen 7(2) Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81)**.

Operasi ini dilaksanakan hasil daripada pemantauan berterusan serta aduan yang diterima daripada orang awam berkaitan kewujudan premis yang menjalankan aktiviti pemajakgadaan secara haram. Dalam operasi berkenaan, KPKT telah memeriksa **premis yang disyaki** dan hasil daripada tindakan penguatkuasaan tersebut adalah seperti berikut :

- Seramai **(9)** orang individu telah diambil keterangan bagi membantu siasatan.
- Sebanyak **(36)** barangan gadaian telah disita untuk tindakan lanjut.
- Nilai keseluruhan sitaan dianggarkan berjumlah **RM 45,840.00**

KPKT ingin menegaskan bahawa mana-mana individu atau syarikat yang ingin menjalankan perniagaan pajak gadai adalah **diwajibkan memiliki lesen sah** yang dikeluarkan oleh Kementerian ini. Kegagalan mematuhi keperluan perlesenan tersebut merupakan satu kesalahan serius di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa menjalankan urusan pemajakgadaan **hanya dengan syarikat yang berlesen** bagi mengelakkan risiko penipuan, kerugian kewangan atau kehilangan harta benda.

Bagi menjamin keselamatan transaksi dan ketelusan urusan, orang awam digalakkan memanfaatkan **aplikasi i-Gadaian** yang dibangunkan oleh KPKT untuk **mengenal pasti premis pemajakgadaian yang berlesen**. Aplikasi yang boleh dimuat turun secara percuma di **Apple App Store** dan **Google Play Store** ini merupakan mekanisme perlindungan sendiri bagi mengelakkan risiko kerugian harta benda.

KPKT tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang dan akan terus mempergiatkan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa bagi memastikan industri pemajakgadaian di Malaysia beroperasi secara sah, berintegriti dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

#MalaysiaMADANI
#Kemampahan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

